

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 MAC 2016 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	RM20 juta laksana program MSI tahun ini – Madius	BERNAMA
2.	Empat negeri di Semenanjung catat bacaan suhu tertinggi pada Sabtu	BERNAMA
3.	Sekolah perlu ditutup	Mingguan Malaysia
4.	Hot spell almost aqual to 1997-98 situation	New Straits Times
5.	Suhu di Alor Setar, Chuping diramal meningkat	Berita Harian
6.	Nyamuk aedes tak kebal, wujudkan komuniti bebas denggi	Berita Harian
7.	Think of the children, says Subra	New Sunday Times
8.	Kelantan, Kedah and Johor schools to reopen today	New Sunday Times
9.	EL Nino dijangka berakhir Jun depan	Mingguan Malaysia
10.	14 hari di Chuping	Metro Ahad
11.	Keputusan sama ada sekolah ditutup berikutan cuaca panas melampau esok	BERNAMA
12.	ANGKASA kaji wujudkan akta pencemaran cahaya	BERNAMA
13.	ANGKASA mulls creation of light pollution act	The Borneo Post
14.	Keningau catat bacaan suhu tertinggi di Sabah setakat 2 petang	BERNAMA
15.	ABPN bincang hadapi El Nino Selasa ini	Mingguan Malaysia
16.	Penganjur aktiviti luar diminta batalkan program	Mingguan Malaysia
17.	Panas melampau	Berita Harian
18.	Kuala Krai catat bacaan suhu tertinggi di Kelantan	BERNAMA



RM20 Juta Laksana Program MSI Tahun Ini - Madius

TUARAN, 20 Mac (Bernama) -- Kerajaan telah memperuntukan RM20 juta untuk Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melaksanakan program Inovasi Sosial Mosti (MSI) pada tahun ini.

Menterinya Datuk Wilfred Madius Tangau berkata MSI adalah dana bagi membantu kumpulan sasar melalui pembangunan atau pelaksanaan idea sama ada berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial komuniti.

Pada tahun lepas, katanya, Mosti telah membiayai 77 projek MSI melibatkan 16 agensi yang bertindak sebagai penyedia teknologi bagi projek terpilih.

"Tidak hanya berinovasi dalam bidang teknologi, kita juga mahu berinovasi sosial, iaitu bagaimana mempertingkatkan kesejahteraan hidup rakyat menerusi produk inovasi yang dihasilkan," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan Sangkar Sembelihan Mudah Alih kepada Masjid An-Nur, di sini Ahad.

Madius berkata sangkar sembelihan mudah alih dikendalikan Yayasan Inovasi Malaysia itu adalah idea seorang inovator dari Perlis yang telah menghasilkan pengganti teknik tradisional penyembelihan haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau kepada teknik lebih mudah, cepat dan terurus.

"Menerusi program MSI ini, penggunaan atau kemudahannya juga dapat dinikmati komuniti lain di seluruh negara," katanya sambil menambah sangkar sembelihan itu juga telah diserahkan ke beberapa kawasan termasuk di Kuching, Sarawak.

Madius berharap inovator yang berminat akan memberi tumpuan menghasilkan projek yang memberi penyelesaian kepada masalah komuniti bagi membantu proses transformasi negara selain mahu masyarakat menyokong lapangan inovasi sosial untuk kepentingan bersama.

Pada majlis sama, Madius turut menyerahkan satu lagi produk inovasi MSI iaitu Kompong X-Ray kepada pengurusan masjid dan beberapa kumpulan belia di sekitar Tuaran.



Empat Negeri Di Semenanjung Catat Bacaan Suhu Tertinggi Pada Sabtu

TUARAN, 20 Mac (Bernama) -- Empat negeri di Semenanjung merekodkan bacaan suhu paling tinggi semalam, berikutan fenomena El-Nino yang melanda negara sekarang.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Madius Tangau berkata berdasarkan bacaan yang direkodkan sehingga 4 petang, Chuping di Perlis mencatat bacaan suhu paling tinggi iaitu 39.5 darjah celsius diikuti Alor Setar di Kedah yang mencatat 39.1 darjah celsius.

Turut mencatat bacaan suhu tertinggi ialah Ipoh di Perak dengan 37.5 darjah celsius dan Temerloh di Pahang dengan bacaan suhu 37.4 darjah celsius.

"Bacaan suhu ini sudah menghampiri 40 darjah celsius iaitu bacaan suhu berbahaya dan boleh menyebabkan strok haba," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan sangkar sembelih mudah alih dan kompong sinar x kepada penduduk sekitar Tuaran di sini, hari ini.

Madius berkata kementerian akan terus memantau perkembangan cuaca dari semasa ke semasa dan berkongsi data terkini mengenai perkara itu untuk perhatian dan tindakan kementerian lain dalam menghadapi musim panas itu.

Di KOTA BAHARU, cuaca panas dan kering berikutan fenomena El Nino dikhuatiri menjejaskan hasil pengeluaran tanaman ladang kontrak di negeri ini, kata Timbalan Pengarah Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Kelantan Fauzi Mohamed.

Beliau berkata ini kerana tanaman seperti sayur-sayuran, jagung dan buah-buahan memerlukan bekalan air yang mencukupi.

"Pihak kami bergantung kepada sungai dan tali air untuk membekalkan air ke setiap ladang kontrak. Setakat ini, bekalan air mencukupi dan tidak membimbangkan," katanya.

Pihaknya juga memantau beberapa kawasan ladang kontrak yang dijangka menerima kesan akibat cuaca panas melampau, jika ia berterusan, katanya kepada Bernama selepas majlis menandatangani Perjanjian dan Program Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak Ke Outlet Peruncitan (Kukuh) Fama Kelantan di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Fama memeterai perjanjian dengan 129 peserta dari 300 ladang kontrak untuk meningkatkan pengeluaran hasil tanaman.

-- BERNAMA

Cuaca panas melampau di Alor Setar, Chuping

Sekolah perlu ditutup

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 19 MAC**

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi mencadangkan agar sesi persekolahan di Alor Setar, Kedah, dan Chuping di Perlis, ditutup bermula esok berikutan cuaca panas melampau.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau berkata, kawasan Alor Setar mencatatkan suhu 39.1 darjah Celcius iaitu tertinggi dalam tempoh 12 hari berturut-turut manakala Chuping 38.9 darjah Celcius.

Cadangan itu katanya selaras dengan Garis Panduan Pelan Tindakan Menangani Gelombang Haba yang dipersetujui Kabinet iaitu sesi persekolahan di kawasan yang suhunya melebihi 37 darjah Celcius perlu ditangguhkan.

"Berdasarkan Garis Panduan Pelan Tindakan Menangani Gelombang Haba maka sesi persekolahan di Alor Setar dan Chuping boleh dicadangkan ditutup bermula Ahad, 20 Mac 2016.



MADIUS TANGAU

"Namun, penguaman sama ada sekolah akan ditutup atau tidak akan diumumkan Menteri Pendidikan seperti yang diarahkan oleh Kabinet," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Madius berkata, cuaca panas dan kering yang kini berlaku di Kedah dan Perlis akan turut dirasai seluruh Semenanjung sehingga penghujung bulan ini dan keadaan sama dijangka berlaku di Sabah serta Sarawak.

Tambahnya, kawasan seperti Keningau di Sabah dan Batu Embun serta Temerloh di Pahang, bacaan suhunya telah melebihi 35 darjah



Kawasan Alor Setar mencatatkan suhu 39.1 darjah Celcius iaitu tertinggi dalam tempoh 12 hari berturut-turut manakala Chuping 38.9 darjah Celcius."

MADIUS TANGAU
Menteri Sains,
Teknologi dan Inovasi

Celcius untuk tempoh 10 hari berturut-turut.

"Keadaan ini disebabkan kejadian fenomena El Nino kuat yang sedang berlaku dan dijangka cuaca begini akan berterusan sehingga suku pertama tahun 2016," jelasnya.



PASUKAN bomba sukarela berusaha memadamkan kebakaran belukar di Jalan Chuping-Padang Besar, Perlis, semalam.
- MINGGUAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

'Hot spell almost equal to 1997-98 situation'

EXTREME: Brace yourselves for water shortages too, say climatologists

THARANYA ARUMUGAM
AND ALIZA SHAH
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my



CLIMATOLOGISTS have sounded the alarm, warning of severe consequences of the El Nino phenomenon, as the latest developments suggested that the country will endure the hot spell up to June.

Experts cautioned of a situation as bad as the 1997-98 El Nino, the worst in the country's history.

They warned that a four-month-long dry spell and scorching heat could, as in the past, lead to severe air pollution, choking haze, and massive forest and bush fires.

Malaysians, they said, must also brace themselves for severe water shortages if no pre-emptive measures are put in place.

In Sabah, Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau yesterday said the El Nino phenomenon would likely last until June, instead of next month as

projected earlier, although the extreme temperatures would slowly dip and more rainfall would be recorded in May.

Universiti Kebangsaan Malaysia's climatology and physical oceanography expert Professor Dr Fredolin Tangang said the drought would likely continue affecting the whole region, with Sabah and northern Sarawak set to be the hardest hit in the next two months.

The authorities, he said, had no choice but to plan precautionary measures to deal with the situation.

"The El Nino this year is looking to be almost equal in strength to the one in 1997-98. This phase of the El Nino is a continuation from last year's, when we were affected by a thick blanket of haze.

"Researchers concluded this El Nino poses almost the same threats as the one we faced almost two decades

ago. It is worrying," Tangang told the *New Sunday Times* yesterday.

Water quality specialist Dr Zaki Zainudin said the prolonged El Nino would result in an increase in overall temperature, which would be compounded by lower rainfall in many parts of the country. This would lower the level of water in rivers, lakes and catchment areas.

"Reduced flow of water also means a potential increase in pollutants in our streams and rivers.

"A lot of waste is dislodged into rivers, so the reduced volume of water at these sources will not help with dilution. As a result, pollutants, such as ammonia, organics and maybe even solids, will be a real threat.

"The aquatic ecosystems will also be under a lot of stress (because of the high ammonia and low dissolved oxygen levels). If it prolongs, it will result in fishkill (in which massive numbers will die)," he said.


Zaki told the NST that rivers, from which low levels of water were still being extracted for supply, treatment and distribution to homes, might contain high volumes of pollutants and may not be fit for human consumption.

"This has happened before. The rise in ammonia (above 1.5 mg/L) in Sungai Langat caused two plants to shut down in 2014. Conventional treatment systems are incapable of treating ammonia. Hence, there may be risks of sporadic disruptions now and again."

Zaki said the authorities should prepare contingencies when demand for water exceeded supply.

"For example, plans for interdistrict or interstate water transfer could start being drafted and alternative water sources, such as lakes, should also be considered.

"There should also be increased efforts in pollution prevention."



SAMBUNGAN...
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 20 MAC 2016 (AHAD)

*A SMK Jitra student,
Nur Atiqah Najihah
Abdullah, shielding
herself from the
scorching sun in
Pekan Jitra, Kedah,
yesterday. Pic by
Amran Hamid*



Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said agencies under his ministry were monitoring water levels at all reservoirs as well as marine water temperatures and haze and forest fires.

"The states are being kept in the loop as this comes under their purview.

"The Forest and Marine Park departments have been advised to monitor forest and marine parks. They will also observe our coral reefs and keep a close eye on marine water temperatures," he said, adding enforcement officers and rangers were on standby.

Wan Junaidi said while the Department of Environment (DOE) had also been monitoring the pollution index and haze, several other enforcement agencies would work together to curb open burning.

"The ban against open burning is being enforced. The DOE is monitoring compliance with several other agencies tasked with assisting in enforcing the law.

"These include the police, Fire and Rescue Department and local councils," he said.

Wan Junaidi said those who failed to adhere to the rulings would face legal action, including being dragged to court.

"We are also working with the states to review their laws and make amendments where necessary, like we are doing with the Environment Act now." **Additional reporting by Avila Geraldine**

Page 1 pic: Rotting fish on the banks of a shallowing water catchment area as the effects of the El Nino phenomenon take a morbid toll.

Suhu di Alor Setar, Chuping diramal meningkat

» Dua daerah catat bacaan 39.1 dan 38.9 darjah Celsius kelmarin

Oleh Fahmy Azril Rosli dan Errah Amran
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) meramalkan suhu di beberapa kawasan di Alor Setar, Kedah dan Chuping, Perlis meningkat pada hari ini berikutan fenomena El Nino kuat.

Ketua Pengarahnya, Datuk Che Gayah Ismail, berkata setakat kelmarin, kawasan terbabit mencatatkan suhu melebihi 37 darjah Celsius antara 12 hingga 14 hari berturut-turut.

Semakan dalam laman web JMM semalam pula mendapati sehingga jam 6 petang, suhu tertinggi dicatatkan di Alor Setar dan Prai, masing-masing 34 darjah Celsius.

Berterusan suhu pertama

Che Gayah berkata, El Nino kuat yang sedang berlaku dijangka berterusan sehingga suku pertama tahun ini.

"Setakat semalam (kelmarin), Alor Setar mencatatkan bacaan suhu 39.1 darjah Celsius manakala Chuping 38.9 darjah.

"Kawasan seperti di Sabah dan Sarawak (Limbang dan Miri) tu-

rut akan terkena tempias dari cuaca panas dan kering yang berlaku di Semenanjung ketika ini," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Che Gayah berkata, satu-satunya kawasan di Sabah yang mencatatkan suhu melebihi 35 darjah Celsius ialah di Keningau.

Selain itu, katanya, Batu Embun dan Temerloh, masing-masing di Pahang turut merekodkan bacaan suhu melepasi paras 35 darjah Celsius dalam tempoh lebih 10 hari berturut-turut.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tanngau, dalam satu kenyataan, semalam berkata sesi persekolahan di Alor Setar dan Chuping boleh dicadangkan ditutup bermula hari ini berdasarkan garis panduan pelan tindakan merangani gelombang haba merangkumi tiga peringkat amaran.

Namun, katanya, pengumuman itu hanya boleh dilakukan

"Kawasan seperti di Sabah dan Sarawak (Limbang dan Miri) turut akan terkena tempias dari cuaca panas dan kering yang berlaku di Semenanjung ketika ini"


Che Gayah Ismail,
Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia

INFO

Fenomena Ekuinoks



- Fenomena Ekuinoks berlangsung selama 24 jam bermula pada jam 12 tengah hari ini dan akan berakhir esok.
- Fenomena yang sama akan berlaku kali kedua pada 22 September 2016.



oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, seperti mana yang diarahkan Kabinet.

Fenomena ekuinoks

Sementara itu, Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Mohd Zamri Shah Mastor, berkata seluruh dunia mengalami fenomena ekuinoks selama 24 jam apabila matahari melintasi garisan Khatulistiwa bermula jam 12 tengah hari ini.

Katanya, matahari melintasi garisan Khatulistiwa untuk me-

ngubah kedudukannya dari Hemisfera Selatan bumi ke Hemisfera Utara selepas enam bulan berada di kedudukan yang sama.

"Seluruh dunia akan mengalami waktu siang dan malam sama panjang iaitu masing-masing 12 jam dan matahari dijangka berada tegak di atas kepala bergantung kepada waktu tempatan lokasi masing-masing.

"Mereka yang berada di atas atau berdekatan garisan Khatulistiwa terutama di kawasan Poh-

tianak, Indonesia berpeluang melihat matahari berada tegak atas kepala masing-masing," katanya.

Mohd Zamri, berkata fenomena ekuinoks tidak memberi kesan besar terhadap suhu yang biasanya dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pergerakan angin, hujan dan lain-lain.

► Panas melampau - Muka 18/19

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 32 & 33
TARIKH : 20 MAC 2016 (AHAD)



Nyamuk aedes tak kebal, wujudkan komuniti bebas denggi

*Masyarakat mesti laksana tanggungjawab
kekang penularan wabak*

Soalan: Kes denggi di seluruh negara menunjukkan trend semakin hari semakin meningkat dan tidak menampakkan tanda ia menurun. Apa lagi harus dilakukan untuk memerangi wabak ini?

Jawapan: Faktor utama yang mempengaruhi peningkatan kes demam denggi adalah persekitaran yang tidak bersih, mobilisasi masyarakat, perubahan cuaca, perubahan serotaip virus denggi dan keupayaan nyamuk aedes menyebarkan virus serta pembiakan dengan pantas. Sikap masyarakat juga didapati turut menyumbang secara langsung terhadap penularan jangkitan denggi terutama membuang sampah merata-rata yang menjadi punca tempat pembiakan aedes.

Memandangkan faktor penyum-

Saban hari, bulan dan tahun, kes denggi semakin meningkat. Apakah ia berpunca daripada sikap masyarakat semata-mata atau kaedah digunakan seperti semburan asap sudah tidak berkesan kerana nyamuk dikatakan 'kebal'? Wartawan BH Ahad, MOHD AZIS NGAH dan MOHD ANWAR PATHO ROHMAN mendapatkan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan Pensyarah Entomologi Perubatan di Fakulti Sains Kesihatan UKM, Prof Madya Dr Hidayatullah Othman untuk mengulas lanjut.

bang kepada peningkatan kes seperti mobilisasi masyarakat, perubahan cuaca, serotaip virus denggi dan tabiat nyamuk sukar untuk dikawal, maka kaedah memerangi wabak yang lebih berkesan dan kos efektif ialah me-

mastikan persekitaran bersih dan tiada pembiakan aedes. Ini dapat menghalang virus denggi disebarkan dari satu individu kepada individu lain. Perubahan sikap masyarakat adalah diperlukan supaya mementingkan ke-

bersihan persekitaran, membuang sampah secara berhemah dan menjadikan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan aedes sebagai amalan setiap minggu.

S: Pelbagai kaedah dan teknik digunakan Jabatan Kesihatan untuk memerangi aedes bagi membendung penularan denggi. Adakah kaedah digunakan selama ini relevan untuk memerangi aedes. Apakah kita memerlukan teknik baharu?

J: Kaedah kawalan yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) pada masa ini masih relevan iaitu kawalan nyamuk menggunakan racun serangga, kawalan biologi dan pengurusan persekitaran supaya ber-

sih serta bebas daripada pembiakan nyamuk. KKM juga melaksanakan langkah kawalan nyamuk aedes yang baharu iaitu *Outdoor Residual Spray* (ORS) membabitkan daerah Petaling, Hulu Langat, Gombak, Klang dan Johor Bahru. Namun, langkah kawalan dan pencegahan yang terbaik adalah memusnahkan tempat pembiakan nyamuk. Anggota masyarakat mesti memainkan peranan dengan membersihkan kawasan persekitaran luar dan dalam rumah setiap minggu supaya tempat pembiakan aedes dihapuskan.

S: Teknik semburan kabus paling popular digunakan bagi memerangi aedes ketika ini. Akan tetapi ada dakwaan pihak tertentu mengatakan yang muncul spesies nyamuk aedes yang 'kebal' dengan semburan kabus ini. Apakah betul perkara ini?

J: Masyarakat perlu tahu bahawa semburan kabus hanya membunuh nyamuk dewasa berhampiran semburan dilakukan. Oleh itu, selepas habis kesan semburan, telur nyamuk aedes yang menjadi pupa boleh menjadi nyamuk dewasa pada bila-bila masa, seterusnya boleh menyebarkan virus denggi. Selain itu, ketika semburan dilakukan, nyamuk boleh terbang jauh untuk mengelak daripada kesan semburan ini dan akan terus menyebarkan virus denggi di tempat lain.

KKM sentiasa memantau kerintangan racun serangga yang digunakan di negara ini dan sehingga kini tiada bukti saintifik yang menunjukkan muncul spesies aedes kebal dengan



“Perubahan sikap masyarakat diperlukan supaya mementingkan kebersihan persekitaran, membuang sampah secara berhemah dan melakukan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan aedes sebagai amalan setiap minggu”

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

racun serangga yang digunakan oleh KKM. Di samping itu, KKM mengamalkan konsep kepelbagaian dalam kaedah kawalan vektor dengan menggunakan *integrated vector management* sebagai satu daripada cara mengelak masalah ini daripada berlaku.

S: Pelbagai usaha dijalankan bagi membendung jangkitan ini. Satu daripada usaha terkini ialah dengan pelancaran kit antidenggi. Sejauh manakah ciptaan ini mampu mengekang penularan wabak denggi?

J: Komuniti Bebas Denggi (KBD) dikembangkan oleh Inno Biologics Sdn Bhd, iaitu projek di bawah penyeliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Pihak KKM mengawal alukan penyertaan pelbagai kementerian dan agensi dalam menggerakkan komuniti untuk melaksanakan aktiviti pencegahan denggi. Pembabit dan tindakan komuniti sangat penting bagi menentukan *sustainability* aktiviti membersihkan persekitaran dan aktiviti mencari serta menghapuskan tempat pembiakan aedes.

S: Penularan wabak denggi mendorong masyarakat mencuba pelbagai rawatan alternatif termasuk minum jus pucuk betik, minum air isotonik, air kelapa muda dan makan sup ketam. Sejauh manakah keberkesanan rawatan alternatif ini?

J: Daripada senarai yang diberikan, hanya jus daun betik sudah menjalani kajian. Belum ada kajian dijalankan ke atas air isotonik, sup ketam, air kelapa muda. Perlu difahami bahawa pe-

ngambilan jus daun betik bukan rawatan bagi demam denggi kerana ia hanya menaikkan bilangan platelet yang membantu mengurangkan komplikasi pendarahan. Oleh itu, sesiapa yang mengalami tanda demam denggi seperti demam, sakit sendi, ruam atau apa-apa pendarahan, pesakit ini perlu berjumpa doktor bagi menjalani ujian serta mendapatkan rawatan segera.

S: Baru-baru ini, Mexico meluluskan vaksin denggi pertama di dunia, Dengvaxia. Apakah pendirian Malaysia berhubung vaksin ini?

J: Negara seperti Mexico dan Filipina sudah menggunakan vaksin denggi. Syarikat yang mengeluarkan vaksin berkenaan juga mengemukakan permohonan untuk mendaftarkan vaksin denggi di Malaysia kepada Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan pada pertengahan 2015. Secara keseluruhan hasil kajian menunjukkan keberkesanan vaksin denggi adalah 65.6 peratus, manakala kesan perlindungan untuk setiap serotaip denggi adalah tidak sekata, iaitu dalam lingkungan 40 hingga 80 peratus.

Walaupun vaksin denggi ini menunjukkan keberkesanan yang tidak sekata, hasil kajian itu menunjukkan vaksin ini dapat mengurangkan kes denggi yang serius 80 peratus dan mengurangkan kemasukan kes ke hospital sehingga 90 peratus. Pada masa ini, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sedang mengkaji keberkesanan, keselamatan dan kualiti vaksin ini untuk pendaftaran. Pada masa sama, KKM juga meneliti keberkesanan kos sekiranya pelaksanaan vaksin denggi dilakukan di negara ini.

KERATAN AKHBAR
NEW SUNDAY TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 20 MAC 2016 (AHAD)

Think of the children, says Subra

KUALA LUMPUR: The Education Ministry must consider closing schools in areas experiencing extreme hot weather, said Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam.

He said this was because some students had to walk to get to their schools.

"There are areas in the country where the weather is terribly hot, and some students have to walk two to three kilometres to get to their schools, especially in the interiors."

He said the Education and Natural Resources and Environment ministries should consider closing schools as it posed a health risk to pupils and students.

Dr Subramaniam's sentiments were supported by Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, who urged the Education Ministry to close schools in Alor Setar, Kedah, and Chuping, Perlis, today, saying these areas had recorded temperatures above 37°C since March 1.

He said Alor Star recorded the highest temperature reading in the country yesterday at 39.1°C. Chuping, which on Monday recorded its highest temperature of 39°C, recorded 38.9°C yesterday.

"Based on heatwave guidelines, it may be proposed that the school session in Alor Star and Chuping close beginning Sunday (today)," he said, adding that any closure would be announced by Education Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Madius said in Keningau, Sabah, and Batu Embun and Temerloh in Pahang, temperatures had exceeded 35°C for 10 consecutive days.

Meanwhile, Dr Subramaniam said the El Nino phenomenon had resulted in a drop in dengue cases, with 2,500 cases reported nationwide last week, a steep drop compared with earlier weeks.

Kelantan, Kedah and Johor schools to reopen today

KUALA LUMPUR: Schools in Kelantan, Terengganu, Kedah and Johor will reopen and operate as usual today, the Education Ministry said yesterday.

However, the ministry said in a statement that outdoor activities should be suspended until further notice from the ministry or if weather conditions improved.

It said the state Education Department, District Education Office and schools had been advised to monitor students' health by providing drinking water.

"Schools should also encourage students to bring drinking water to school.

"Should there be complications due to the El Nino phenomenon, schools must contact the nearest

clinic or hospital. In this case, the District Education Office should discuss measures to take with the district health officer to prevent untoward incidences.

"Schools must comply with circulars and notifications issued by the Education Ministry."

The school session resumes today and tomorrow as the first term break ends.

In **Kota Baru**, Education Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid said any decision to close schools had to be made by four ministries, including the Education Ministry, through a national-level committee. The three other ministries are the Health, Science, Technology and Innovation and Natural Resources and Environment ministries.

El Nino dijangka berakhir Jun depan

KOTA KINABALU 19 Mac - Fenomena El Nino yang melanda negara dijangka berakhir Jun ini dengan Mac setiap tahun merupakan bulan yang mencatat suhu tertinggi di seluruh negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, terdapat empat peringkat El Nino iaitu kuat seperti yang berlaku sekarang, sederhana pada April dan lemah pada Mei serta normal pada Jun.

"Selain itu, pertukaran Monsun Timur Laut dan Barat Daya juga bakal memberi impak kepada perubahan suhu pada penghujung bulan ini atau awal bulan depan," katanya ketika melakukan lawatan ke Stesen Meteorologi Kota Kina-

balu di sini hari ini.

Yang hadir sama, Timbalan Pengarah Jabatan Meteorologi negeri, Lim Ze Hui.

Madius menambah, taburan hujan kekal kurang pada bulan ini dan April, namun kembali lebat pada bulan Mei serta Jun.

Dalam pada itu, beliau menegaskan, bahawa segala data dan maklumat mengenai keadaan cuaca di negara ini yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi adalah sahih serta tepat.

"Ingin saya tegaskan bahawa segala kelengkapan canggih yang dimiliki jabatan ini telah digunakan secara optimum bagi memberi keputusan terbaik untuk panduan rakyat," katanya.

KERATAN AKHBAR
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 20 MAC 2016 (AHAD)

MALAYSIA MENDIDIH

14 hari di Chuping

Oleh Nursyahirah Marzuki
am@hmetro.com.my
Putrajaya

Cuaca panas dan kering yang berlaku di Perlis dan Kedah akan turut dirasakan seluruh Semenanjung, selain Sabah, Bahagian Limbang dan Miri, Sarawak sehingga penghujung bulan ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata, beberapa lokasi di utara Semenanjung mencatatkan suhu melebihi 37 darjah Celsius bagi tempoh 1 hingga 18 Mac lalu.

"Setakat Jumaat lalu, suhu tertinggi untuk tempoh 12 hari berturut-turut dicatatkan ialah 39.1 darjah Celsius di Alor Setar, Kedah, ma-

nakala suhu tertinggi untuk tempoh 14 hari berturut-turut dicatatkan di Chuping, Perlis.

"Sementara di Keningau, Sabah dan Batu Embun serta Temerloh, Pahang mencatatkan suhu melebihi 35 darjah Celsius untuk tempoh 10 hari berturut-turut," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Madius berkata, keadaan itu disebabkan fenomena El Nino kuat yang sedang berlaku dan dijangka berterusan sehingga suku pertama tahun ini.

Beliau berkata, mengikut Garis Panduan Pelan Tindakan Menangani Gelombang Haba, pihaknya menandatangani sesi persekolahan di Alor Setar dan Chuping ditutup hari ini.



Keputusan Sama Ada Sekolah Ditutup Berikutan Cuaca Panas Melampau Esok

KOTA BAHARU, 20 Mac (Bernama) -- Kementerian Pendidikan akan membuat keputusan esok sama ada sekolah di kawasan tertentu akan ditutup atau tidak akibat cuaca panas melampau, kata Menteri Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Beliau berkata kementeriannya sedang memantau keadaan suhu panas melampau itu dan semalam pihaknya mendapati di Kedah dan Perlis suhu mencapai 39.2 darjah Celsius.

"Hari ini kita akan tengok keadaan suhu di Kedah dan Perlis macam mana dan esok kita akan buat keputusan sama ada sekolah di kawasan tertentu yang perlu ditutup sekiranya suhu terus meningkat melebihi 39 darjah Celsius dan tiada tanda ia menurun," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis bersama pengetua dan guru besar sekolah negeri Kelantan di sini, hari ini.

Mahdzir berkata sebuah jawatankuasa khas peringkat kementeriannya yang dipengerusikan Ketua Pengarah Pelajaran Datuk Seri Dr Khair Mohamad Yusof akan mengkaji dan membuat keputusan berhubung penutupan sekolah itu.

Beliau berkata kementeriannya juga mendapat maklumat dari semasa ke semasa mengenai perkembangan suhu panas melampau itu dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#).

Beliau berkata pihaknya telah mengeluarkan arahan supaya semua aktiviti di luar bilik darjah dihentikan berikutan cuaca panas melampau itu.

Malaysia kini mengalami cuaca panas dan kering yang disebabkan oleh fenomena El Nino dan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) meramalkan keadaan itu hanya akan berakhir pada Mei atau Jun, dengan suhu dijangka paling panas hari ini kerana fenomena ekuinoks.

Ditanya perkembangan penyelesaian masalah guru yang berjauhan dengan pasangan masing-masing, Mahdzir berkata pihaknya menangani masalah itu secara berperingkat iaitu pada tahun lepas pihaknya telah menyelesaikan masalah membabitkan 2,000 guru manakala sehingga bulan ini seramai 560 guru.


Beliau berkata pihaknya telah menerima 7,000 permohonan pertukaran daripada guru yang ingin tinggal berdekatan dengan pasangan masing-masing.

Mengenai calon peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2016 bagi penggal 2 bermula Mei ini dan ujian Malaysian University English Test (MUET) sesi Julai ini dilarang memakai atau membawa masuk jam tangan ke dewan peperiksaan, Mahdzir berkata beliau akan mendapatkan laporan berhubung perkara itu daripada Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia Dr Jamil Adimin.

Semalam, Dr Jamil dilaporkan berkata larangan membawa atau memakai jam tangan ke dewan dan semasa menduduki peperiksaan bertujuan mencegah kes salah laku dalam kalangan calon.



ANGKASA Kaji Wujudkan Akta Pencemaran Cahaya



Menara Berkembar Petronas turut memadamkan lampu tanda sokongan Kempen Earth Hour yang disambut di seluruh dunia malam tadi.

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) sedang mengkaji untuk mewujudkan Akta Pencemaran Cahaya bagi mengawal pencemaran cahaya di negara ini, kata Ketua Pengarahnya Dr Noordin Ahmad.

Beliau berkata ANGKASA ketika ini sedang menyediakan garis panduan berhubung perkara itu dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bertanggungjawab mengawal selia limpahan cahaya akibat daripada pembangunan bandar.

"Kita memang memerlukan akta ini dan pada masa ini, ANGKASA sedang bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) kerana lampu daripada bangunan dan lampu jalan sekarang ini di bawah seliaan mereka.

"Kami juga sedang memberi kesedaran kepada pihak berkenaan mengenai pencemaran cahaya yang berpunca daripada cahaya lampu bangunan dan juga lampu jalan," katanya kepada Bernama selepas menghadiri tayangan perdana filem "To Space and Back" dan sambutan Earth Hour di Planetarium Negara di sini, hari ini.

Menurut Noordin pencemaran cahaya di negara ini baru memasuki tahap serius dan jika tidak ditangani ia bakal menjejaskan bidang astronomi negara.

"Kerja pencerapan di balai cerap di Planetarium Negara kini turut terjejas ekoran pencemaran cahaya yang melampau di bandaraya Kuala Lumpur.

"Di Planetarium Negara, kesannya ketara terutama kepada ahli astronomi yang melibatkan balai cerap kami di sini tidak boleh berfungsi sepenuhnya menyebabkan kami terpaksa membina satu balai cerap di Pulau Langkawi pada 2006 untuk mengatasi masalah pencemaran cahaya," katanya.

Beliau berkata balai cerap yang dikenali sebagai Observatori Negara Langkawi (ONL) juga bakal terjejas jika tiada kawalan dari segi pengwujudan akta, ordinan atau garis panduan.

-- BERNAMA

Angkasa mulls creation of Light Pollution Act

KUALA LUMPUR: The National Space Agency (Angkasa) is considering the creation of the Light Pollution Act to control light pollution in the country, said its director-general, Dr Noordin Ahmad.

He said Angkasa was currently providing the guideline on the matter in collaboration with the local authorities responsible for regulating the spillover of light caused by urban development.

"We certainly need this act and currently, Angkasa is collaborating with the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ), Kuala Lumpur City Hall (DBKL) and the Public Works Department (PWD) because lights in buildings and street lights are under their supervision.

"We are also raising awareness to these agencies on the light pollution caused by building and street lights," he told Bernama after attending the premiere screening of the film "To Space and Back" and the Earth Hour celebration at the National Planetarium, here today.

According to Noordin, light pollution in the country had just entered the serious stage and if not properly handled, it could affect the country's astronomy field.

"Observation work in the observatory at the National Planetarium is now affected as a result of the severe light pollution in Kuala Lumpur city.

"At the National Planetarium, the effect to the astronomers here is significant resulting in our observatory not functioning fully and forcing us to build an observatory on Pulau Langkawi in 2006 to overcome the light pollution problem.

He said the observatory known as the Langkawi National Observatory (LNO) would also be affected if there were no controls in terms of formulating the act, ordinance or guidelines

Read more: <http://www.theborneopost.com/2016/03/20/angkasa-mulls-creation-of-light-pollution-act/#ixzz43V8XKEeF>



Keningau Catat Bacaan Suhu Tertinggi Di Sabah Setakat 2 Petang

KOTA KINABALU, 20 Mac (Bernama) -- Keningau mencatat bacaan suhu tertinggi di Sabah iaitu 36.8 Celcius setakat 2 petang tadi berikutan gelombang haba yang melanda negara ketika ini.

Menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) hari ini, lima lagi daerah di Sabah yang mencatat suhu melebihi 30 darjah Celcius ialah Ranau (34 darjah Celcius) dan Tawau (33.7 darjah Celcius).

Kota Kinabalu mencatat bacaan suhu keempat tertinggi iaitu 32.8 darjah Celcius, diikuti Sandakan (31.7 darjah Celcius) dan Kudat (31.0 darjah Celcius).

Bahang panas yang memuncak di Keningau, yang terletak kira-kira 131 kilometer dari sini, turut menjejaskan aktiviti harian penduduknya.

Penduduk Keningau, Cappley Attap, 45, berkata cuaca panas dan kering yang melanda daerah itu hari ini dirasakan lebih teruk berbanding hari sebelumnya.

"Cuaca di Keningau sekarang panas terik. Hari ini adalah hari yang terlampau panas," katanya ketika dihubungi Bernama.

Penjawat awam, Aloysius Opong, 49, berkata walaupun berada di dalam rumah, namun bahang panas amat dirasakan.

"Cuaca panas dirasakan sejak 12 tengah hari tadi," katanya sambil memberitahu bahawa tanaman sayurnya juga terjejas akibat cuaca panas.

Jovita Pamela, 43, pula memilih untuk kurang keluar rumah bagi mengelak terdedah kepada komplikasi kesihatan seperti strok haba.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 20 MAC 2016 (AHAD)

ABPN bincang hadapi El Nino Selasa ini

ARAU 19 Mac - Agensi Pengurusan Bencana Negara (ABPN) akan bermesyuarat Selasa ini bagi membincangkan persediaan bagi menghadapi cuaca panas terik akibat fenomena El Nino yang dijangka berterusan hingga Jun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim berkata, pelan tindakan khusus akan dibentangkan pada mesyuarat itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Cawangan-Cawangan UMNO Bahagian Arau di Pusat Khidmat Kubang Gajah di sini, malam tadi.

Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan cuaca panas dan kering yang dialami negara akibat fenomena El Nino ketika ini akan berakhir pada Mei atau Jun.

Dalam pada itu, Shahidan menggesa orang ramai terutamanya warga emas, kanak-kanak dan mereka yang sensitif kepada cuaca panas agar mematuhi nasihat Kementerian Kesihatan seperti mengelakkan aktiviti di luar bangunan yang boleh menyumbang kepada strok haba.

"Jika ada aktiviti luar ini telah dirancang sebelum fenomena El Nino, maka aktiviti berkenaan perlu ditangguh atau dibatalkan sehingga keadaan cuaca beransur baik," katanya.

- BERNAMA

Penganjur aktiviti luar diminta batalkan program

KUALA LUMPUR 19 Mac - Orang ramai yang sering terlibat dengan larian amal dan mendaki gunung perlu menghentikan aktiviti berkenaan buat sementara waktu berikutan cuaca panas melampau akibat fenomena El Nino yang sedang melanda negara ketika ini.

Dalam masa sama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam meminta penganjur yang terlibat dengan program berkenaan, agar membatalkannya serta-merta demi kebaikan semua pihak.

"Kita khuatir apabila peserta seperti larian amal terdedah kepada cuaca panas yang melampau, mereka akan mengalami strok haba. Setakat ini sahaja telah berlaku tiga kes yang melibatkan strok haba.

"Biarpun saya maklum penganjur sudah pun membuat persiapan awal, mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Namun, bagi penganjur yang menjalankan aktiviti awal pagi dan malam, itu tidak menjadi masalah," katanya kepada pemberita pada majlis Anugerah Pencapaian Cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil (SJKT) 2015 anjuran Institut

Pembangunan Pendidikan Maju (MIED) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi MIED, Datuk Seri S. Samy Vellu.

Mengulas lanjut, Subramaniam berkata, pihak sekolah harus memastikan bahawa tidak ada aktiviti luar dijalankan khususnya yang

melibatkan aktiviti fizikal seperti larian jika suhu melebihi 37 darjah Celsius.

"Proses pengajaran dan pembelajaran masih boleh diteruskan di dalam bilik darjah jika suhu tidak melebihi 37 darjah Celsius. Bagaimanapun kita berharap sekolah ditutup jika melebihi 40 darjah Celsius," ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya juga berharap dengan adanya Jawatankuasa Khas Bagi Menangani Gelombang Haba yang telah diluluskan Kabinet semalam, pihak sekolah mendapat maklumat terkini mengenai fenomena tersebut dan langkah yang perlu dilakukan mereka.

Jawatankuasa tersebut terdiri daripada kementerian dan agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Meteorologi dan Agensi Pengurusan Bencana Negara.



S. SUBRAMANIAM

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 20 MAC 2016 (AHAD)



Suhu paling panas pernah direkodkan dalam sejarah negara ialah
40.1 darjah Celsius
 di Chuping, Perlis pada 1998

Mencetuskan gelombang haba menyebabkan risiko kesihatan, hipertemia atau strok haba dan dehidrasi.

Seorang pelatih konstabel di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Segamat, Johor, Azizan Ayob, 23, menjadi mangsa pertama meninggal dunia akibat strok haba pada 16 Mac lalu.

Sehingga 16 Mac lalu, enam kawasan di Chuping di Perlis, Alor Setar di Kedah, Ipoh dan Lubuk Merbau di Perak, serta Batu Embun dan Temerloh di Pahang mencatatkan suhu tertinggi harian 35 darjah Celsius, iaitu mencapai paras gelombang haba dalam tempoh lima bulan berturut-turut.

Kawasan sama turut mencatatkan suhu tertinggi harian sehingga 37 darjah Celsius untuk tiga hari berturut-turut, iaitu melebihi paras ambang gelombang haba.

Kementerian Kesihatan meramalkan peningkatan wabak berkenaan 50 peratus berbanding normal.

Kebakaran hampir 10 juta hektar hutan di Sumatera, Indonesia ketika fenomena El Nino pada 1997 hingga 1998 menyebabkan pencemaran udara di negara berjiran terutama Malaysia, Singapura dan Thailand hingga mengundang masalah jerebu.

Jerebu itu dianggap yang terburuk dalam sejarah negara dengan bacaan indeks pencemaran udara (IPU) di sesetengah kawasan mencapai paras sangat berbahaya sehingga Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad terpaksa mengisytiharkan darurat.

Menyebabkan negara kerugian sebanyak RM802 juta dalam tempoh tiga bulan, Ogos hingga Oktober 1997.



Pembakaran secara terbuka dibahu jalan berhampiran Kampung Pelagas, Kota Kinabalu juga boleh menyebabkan suhu persekitaran menjadi bertambah hangat. (FOTO IZHARI ARIFIN/BH)

Menyebabkan kenaikan suhu sekitar
0.5 darjah Celsius
 hingga
2 darjah Celsius
 berbanding biasa.

Menyebabkan hujan berkurangan antara
20% hingga 60%

Fenomena El Nino
di Malaysia



Panas melampau

» Peralihan monsun pada April mengembalikan kelembapan suhu, mengurangkan kepanasan

Oleh Siti Azila Alias
 siti.azila@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini hingga menyebabkan kenaikan paras suhu melampau bukan fenomena baharu.

Sebaliknya, Malaysia dicatatkan sudah 12 kali mengalami keadaan itu sejak 1951 hingga 1998 dengan kejadian terburuk berlaku pada

1982, 1983, 1997 dan 1998.

El Nino yang berasal daripada perkataan bahasa Sepanyol bermaksud 'anak lelaki' adalah fenomena pemanasan suhu permukaan air laut, berlaku dalam jangka masa enam hingga 18 bulan setiap dua hingga tujuh tahun di timur dan tengah Lautan Pasifik kawasan Khatulistiwa.

Biasanya, El Nino terbentuk pada pertengahan tahun, berada di kemuncak pada akhir tahun dan menjadi lemah menjelang awal tahun berikutnya dan boleh

menyebabkan rantaian perubahan iklim di seluruh dunia, antaranya hujan lebat di beberapa kawasan dan kemarau berpanjangan.

El Nino menyebabkan taburan hujan di Malaysia berkurangan antara 20 hingga 60 peratus dan meningkatkan suhu antara 0.5 hingga dua darjah Celsius.

Gelombang haba

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail, berkata fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini

KERATAN AKHBAR BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 19 TARIKH : 20 MAC 2016 (AHAD)

TIPS KETIKA BERDEPAN FENOMENA EL NINO



Berjimat cermat dalam penggunaan air.



Mengurangkan aktiviti luar.



Memakai penutup hidung dan mulut.

Antara langkah diambil Kementerian Kesihatan dalam menghadapi fenomena El Nino:

Kakitangan Majlis Perbandaran Seremban mengambil kesempatan **membasuh mukanya** ketika bekerja dalam keadaan bahang cuaca panas sehingga mencecah suhu 33 darjah celsius.
[FOTO HAZREEN MOHAMAD/BH]



Memastikan bekalan air di hospital mencukupi selama dua minggu secara berterusan bagi menjamin fungsi perkhidmatan yang bergantung kepada bekalan air bersih.

Memantau dan menilai bekalan air bukit di setiap negeri secara berterusan bagi mengesan kekeringan sumber dan menguruskan bantuan bekalan air bersih.

Mengawasi penyakit termasuk kejadian penyakit yang sensitif kepada

perubahan cuaca seperti penyakit berkaitan jerebu iaitu, jangkitan saluran atas pernafasan, asma, penyakit bawaan vektor (malaria, denggi dan kencing tikus), penyakit bawaan makanan dan air (keracunan makanan, tifoid dan taun) serta penyakit berkaitan cuaca panas seperti strok haba.

Bekerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Meteorologi Malaysia dan agensi kerajaan lain bagi **mendapatkan maklumat terkini mengenai El Nino.**

Angin dari Lautan Hindi dihalang oleh Kepulauan Sumatera dan Kalimantan menyebabkan berlakunya cuaca kering di Malaysia.

LAUTAN PASIFIK

DASAR LAUT PANAS

AMERIKA UTARA

LAUTAN ATLANTIK

AMERIKA SELATAN

bermula sejak Februari tahun lalu, namun ketika itu berada pada tahap lemah.

"Ia seterusnya berubah pada tahap sederhana pada Jun dan meningkat kepada tahap kuat mulai Ogos hingga Januari tahun ini.

"Cuaca panas dan kering yang melanda negara ketika ini diramalkan akan pulih menjelang April yang mana musim peralihan monsun akan menyebabkan cuaca kembali lembap dan mengurangkan suhu panas," katanya.

Selain itu, keadaan cuaca panas ini mampu mencekutkan fenomena gelombang haba dan boleh membawa risiko kesihatan seperti strok haba selain mengakibatkan batuk, selima dan demam.

Galak penghasilan putik mangga

Di sebalik kegelisahan masyarakat berikutan fenomena itu, wujud kebaikan apabila cuaca panas dika-

takan bagus untuk proses pertumbuhan dan penghasilan mangga harum manis yang berkualiti.

Menerusi satu laporan baru-baru ini, Pengarah Institut Agroteknologi Lestari Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Profesor Mahmad Nor Jaafar, berkata cuaca panas dan kering akan melebatkan pertumbuhan putik bunga seterusnya mampu mengeluarkan buah lebih banyak.

"Apabila cuaca terik dan kemarau, pokok akan mengeluarkan bunga yang lebat akibat mengalami proses tekanan dan menganggap dirinya hampir mati, lalu menghasilkan putik bunga yang lebat.

"Lebih banyak putik bunga yang terhasil, ia lebih baik untuk potensi pengeluaran buah kerana hanya 10 peratus bunga yang akan menjadi buah," katanya.

Pekerja kebun **menanam semula pucuk keledek** yang layu akibat fenomena El Nino cuaca panas yang melanda negara.
[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]





Kuala Krai Catat Bacaan Suhu Tertinggi Di Kelantan

KOTA BAHARU, 20 Mac (Bernama) -- Kuala Krai mencatat bacaan suhu tertinggi di Kelantan iaitu 36 darjah Celsius setakat tengah hari tadi berikutan cuaca panas dan kering yang melanda negara.

Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Negeri Kelantan Maqrum Fadzli Mohd Fahmi berkata daerah lain mencatat suhu antara 33 dan 35 darjah Celsius.

Semasa dihubungi Bernama, beliau menafikan bacaan suhu di Kelantan hari ini mencecah 39 darjah Celsius seperti yang disebarkan melalui laman sosial.

Beliau turut menasihati orang ramai supaya tidak mudah percaya maklumat seumpama itu sebaliknya merujuk terlebih dahulu dengan jabatan itu.

-- BERNAMA